

22 SEP 2002

ASEM-Keganasan/I

ASEM PERLU HANTAR ISYARAT POLITIK YANG PADU TANGANGI KEGANASAN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 22 Sept (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah perlu menghantar isyarat politik yang padu kepada masyarakat antarabangsa mengenai cara-cara berkesan menentang keganasan dan pentingnya mencari punca masalah itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini Sabtu.

Beliau berkata dengan ancaman keganasan yang merentasi semua sempadan sama ada etnik, budaya dan keagamaan, para pemimpin perlu menjelaskan usaha kerjasama bagi menangani masalah itu.

"Kita mesti mengenalpasti punca penglibatan seseorang itu dalam aktiviti keganasan supaya kita dapat menyediakan perancangan tepat untuk menangani masalah itu dengan berkesan," katanya pada taklimat kepada media Malaysia menjelang mesyuarat Asia Eropah (ASEM) keempat di sini Isnin ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijadual tiba di sini hari ini untuk menghadiri mesyuarat itu yang merupakan sidang tidak rasmi dua tahun sekali yang mempertemukan 10 negara Asia dan 15 negara Kesatuan Eropah (EU) yang juga anggota Suruhanjaya Eropah.

Mesyuarat pertama diadakan pada 1996 dan seterusnya pada 1998 di London dan di Seoul, Korea Selatan pada 2000. ASEM bertujuan merapatkan hubungan antara dua rantau itu dalam bidang kerjasama politik, sosial dan ekonomi.

Syed Hamid berkata pendirian para pemimpin berhubung cara-cara menentang keganasan dan isu-isu baru keselamatan selepas peristiwa serangan 11 Sept akan terkandung dalam Deklarasi Copenhagen yang akan diisytihar di akhir mesyuarat.

Beliau berkata isu-isu lain yang berkaitan dengan keganasan seperti jenayah merentasi sempadan serta pendatang haram yang begitu relevan dengan Malaysia akan turut disentuh oleh para pemimpin.

Mengikut jadual, Dr Mahathir sejurus selepas tiba tengah hari di Lapangan Terbang Antarabangsa Copenhagen di Kastrupp dekat sini, akan menghadiri jamuan sebelum berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Asia bagi menyediakan program kerja Asia mengenai usaha menentang keganasan.

Pada sebelah malam, beliau bersama para pemimpin Asia dan Eropah yang lain akan diraikan oleh Perdana Menteri Denmark Andersfogh Rasmussen pada satu jamuan makan dan perbincangan tidak rasmi.

Antara topik perbincangan lain para pemimpin Asia adalah mengenai keamanan di Semenanjung Korea, kerjasama Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan dan perkembangan keanggotaan EU.

Mengenai perbincangan tidak rasmi yang berlangsung, beliau berkata ia akan memberi peluang kepada para pemimpin lebih memahami satu sama lain "supaya tidak timbul keraguan dalam pendekatan".

"Dengan cara ini adalah diharapkan para pemimpin Asia dan Eropah menerusi perbincangan bebas yang berterusan itu akan menghasilkan lebih persefahaman mengenai budaya, peradaban dan agama di kedua-dua rantau," katanya.

Mengenai perbincangan berhubung kerjasama ekonomi dan kewangan, Syed Hamid berkata para pemimpin akan mencari jalan mengatasi kegawatan yang berlaku selepas peristiwa 11 Sept.

Perbincangan akan merangkumi program memudahkan perdagangan dan pelan promosi pelaburan yang bertujuan meningkatkan akses pasaran dan suasana pelaburan di kedua-dua rantau, katanya.

Selain itu, mereka juga akan menyentuh mengenai situasi ekonomi global,

penggunaan matawang Euro sebagai matawang antarabangsa dan hasil mesyuarat Menteri Kewangan Asean dan Menteri Ekonomi Asean yang diadakan tahun ini.

-- BERNAMA

MR RV YBY MOZ